



Ruj. Kami : SPA.100-1/5/2 ( 16 )

Tarikh : 13 Julai 2023

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/Dato' Sri/Dato' Seri/Datuk Seri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM BAGI SUKU TAHUN KEDUA (APRIL – JUN) TAHUN 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan laporan-laporan pemerhatian terdahulu adalah berkaitan.

2. Sebagaimana yang dimaklumi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia selaku Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah menimbang rayuan pegawai yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

3. Dalam melaksanakan fungsi tersebut, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam meridapati masih terdapat ketidakakuratan prosedur di dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib. Berdasarkan penelitian kes-kes rayuan terdahulu, adalah didapati sebahagian besar ketidakakuratan yang berlaku adalah ketidakakuratan

berulang. Ketidakakuratan prosedur ini boleh menyebabkan keputusan Lembaga Tatatertib dicabar di Mahkamah sekiranya pegawai memfailkan semakan kehakiman dan keputusan tersebut boleh dibatalkan oleh Mahkamah.

4. Bagi memastikan keteraturan prosedur di dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh Lembaga Tatatertib, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah membuat pemerhatian terhadap kertas-kertas rayuan yang dipertimbangkan seperti di Lampiran.
5. Sehubungan itu, Lembaga Tatatertib adalah diminta untuk **mengambil perhatian serius** terhadap pemerhatian ini dan mengambil tindakan dengan kadar segera, tepat dan teratur dalam menguruskan kes tatatertib bagi memastikan keputusan Lembaga Tatatertib teratur dan kepentingan perkhidmatan awam dapat dipertahankan.
6. Kerjasama pihak Lembaga Tatatertib dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,  
  
(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)

**LAPORAN PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM BAGI SUKU TAHUN KEDUA (APRIL HINGGA JUN) TAHUN 2023**

**1. SURAT PERTUDUHAN  
BILANGAN PEMERHATIAN: 61**

<b>PEMERHATIAN</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>a. kelewatan mengeluarkan surat pertuduhan</li><li>b. dialamatkan ke tempat bertugas pegawai</li><li>c. kesilapan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai</li><li>d. pertuduhan tidak jelas atau tidak lengkap</li><li>e. kesilapan tajuk iaitu jenis tindakan tatatertib sama ada di bawah Peraturan 36 atau Peraturan 37, P.U.(A) 395/1993</li><li>f. merujuk kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib yang tidak tepat dengan jenis tindakan tatatertib</li><li>g. tidak menyatakan peruntukan hukuman yang boleh dikenakan di bawah Peraturan 38, P.U.(A) 395/1993</li><li>h. tidak merujuk Peraturan 4, P.U.(A) 395/1993 bagi setiap pertuduhan</li><li>i. tidak merujuk Peraturan 7(2), P.U.(A) 395/1993 bagi perakuan Pegawai Perubatan yang mengesah dan memperakui pegawai ialah seorang yang menggunakan atau mengambil, selain maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952</li><li>j. tidak merujuk Peraturan 24, P.U.(A) 395/1993 bagi kesalahan tidak hadir bertugas</li><li>k. menggabungkan beberapa kesalahan dalam satu pertuduhan</li><li>l. ditandatangani oleh bukan Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang diberi kuasa</li><li>m. ditandatangani atas kapasiti jawatan di jabatan/kementerian</li><li>n. dikeluarkan oleh Lembaga Tatatertib yang tidak mempunyai bidang kuasa ke atas pegawai</li><li>o. kesilapan tajuk akuan penerimaan surat pertuduhan</li></ul>

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

- p. penggunaan nama peraturan yang tidak tepat iaitu Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 (Pindaan 2002)

**PENAMBAHBAIKAN**

- a. tindakan tatatertib hendaklah segera dimulakan terhadap pegawai apabila Lembaga Tatatertib menerima laporan salah laku
- b. sebarang notis hendaklah dialamatkan ke alamat kediaman pegawai yang diketahui – Peraturan 52, P.U.(A) 395/1993
- c. memastikan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai adalah tepat
- d. memastikan semua fakta dan butir-butir yang spesifik berhubung perbuatan salah laku pegawai serta peruntukan mana-mana peraturan yang dilanggar dimasukkan di dalam surat pertuduhan
- e. tajuk surat hendaklah menyatakan dengan jelas jenis hukuman tatatertib sama ada di bawah Peraturan 36 atau Peraturan 37, P.U.(A) 395/1993
- f. memastikan rujukan dibuat kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib yang tepat dengan jenis tindakan tatatertib
- g. menyatakan peruntukan hukuman yang boleh dikenakan di bawah Peraturan 38, P.U.(A) 395/1993 bagi setiap pertuduhan
- h. merujuk Peraturan 4, P.U.(A) 395/1993 yang berkaitan bagi setiap pertuduhan
- i. merujuk Peraturan 7(2), P.U.(A) 395/1993 bagi perakuan Pegawai Perubatan yang mengesah dan memperakui pegawai ialah seorang yang menggunakan atau mengambil, selain maksud perubatan, suatu dadah berbahaya atau menyalahgunakan dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952
- j. merujuk Peraturan 24, P.U.(A) 395/1993 bagi kesalahan tidak hadir bertugas
- k. satu pertuduhan hendaklah mengandungi satu kesalahan sahaja
- l. ditandatangani oleh Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang diberi kuasa
- m. ditandatangani atas kapasiti sebagai Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang diberi kuasa
- n. dikeluarkan oleh Lembaga Tatatertib yang mempunyai bidang kuasa (Pihak Berkuastra Tatatertib)

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

- o. tajuk akuan penerimaan surat pertuduhan hendaklah tepat dengan merujuk kepada jenis tindakan tatatertib yang diambil terhadap pegawai dan rujukan kepada Pengerusi Lembaga Tatatertib yang betul
- p. nama peraturan yang tepat ialah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

**PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH**

**a. Pertuduhan yang lengkap**

B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya [1962]  
MLJ, FC

Penghakiman *Privy Council* di muka surat 17

*"if the right to be heard is to be a real right which is worth anything it must carry with it a right in the accused person to made affecting him; and then he must be given a fair opportunity to correct or contradict them. The decision-maker must not hear or receive evidence behind the back of the accused person"*

**b. Kelewatan (*Delay*) dan Pemaafan (*Condonation*)**

- i. Mohd Zulhazi Mohd Zulkifli v Suruhanjaya Pasukan Polis DiRaja Malaysia & 1 lagi [2014] 1LNS 574 (Mahkamah Rayuan - Kelewatan selama 5 tahun mengambil tindakan tatatertib)
- ii. Public Services Commission Malaysia & Anor v Vickneswary a/p RM Santhivelu (Menggantikan M Senthivelu a/l R. Marimuthu (si mati) [2008] 6 MLJ 1 (Mahkamah Persekutuan - Kelewatan 7 tahun mengambil tindakan tatatertib) di mana mahkamah telah menegaskan bahawa kelengahan yang panjang dalam mengendalikan tindakan tatatertib terhadap pekerja, jika tiada penjelasan yang munasabah berkaitan dengan kelengahan tersebut dan dicampur dengan faktor-faktor lain, boleh membangkitkan keterangan kukuh bahawa perbuatan salah laku pekerja terbabit telah dimaafkan oleh majikannya

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

**2. REPRESENTASI PEGAWAI**  
**BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

<b>PEMERHATIAN</b>
a. dikemukakan oleh wakil (contoh: peguam) atau ahli keluarga pegawai
b. tempoh membuat representasi tidak dipatuhi
<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
Selaras dengan Peraturan 36 dan Peraturan 37, P.U.(A) 395/1993, hanya pegawai yang berkenaan sahaja diberi peluang untuk mengemukakan representasi secara bertulis dalam tempoh 21 hari daripada tarikh pegawai menerima surat pertuduhan dan layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib
<b>PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH</b>
<b>Hak untuk didengar (<i>Right to be heard</i>)</b> Perkara 135(2) Perlembagaan Persekutuan telah meletakkan syarat wajib iaitu seseorang pegawai awam hendaklah diberikan secara munasabahnya hak untuk didengar sebelum dibuang kerja atau diturunkan pangkat

**3. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP REPRESENTASI**  
**BILANGAN PEMERHATIAN: 2**

<b>PEMERHATIAN</b>
a. Ketua Jabatan mengulas fakta yang tidak dituduh dalam surat pertuduhan b. kesilapan menyatakan fakta mengenai kes, pegawai atau rujukan dokumen tindakan tatatertib. Cth: kesilapan menyatakan tarikh representasi pegawai dan tajuk atau nombor rujukan surat pertuduhan c. tajuk ulasan Ketua Jabatan mengelirukan sama ada ia adalah ulasan kepada representasi atau rayuan pegawai d. ketua jabatan yang mengemukakan ulasan merupakan pihak yang berkaitan secara langsung dengan kes pegawai e. ketua jabatan yang mengemukakan ulasan merupakan Pengurus atau ahli Lembaga Tatatertib yang memutuskan kes pegawai

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

**PENAMBAHBAIKAN**

- a. ulasan hendaklah mengandungi maklumat yang berkaitan dengan pertuduhan dan representasi
- b. ulasan hendaklah mengandungi fakta yang betul mengenai kes, pegawai atau rujukan dokumen tindakan tatatertib
- c. tajuk ulasan Ketua Jabatan hendaklah tepat dengan kedudukan kes sama ada ia adalah ulasan Ketua Jabatan terhadap representasi atau ulasan Ketua Jabatan terhadap rayuan
- d. ketua jabatan yang mengemukakan ulasan merupakan seorang yang tidak berkaitan secara langsung dengan kes pegawai (contoh: mangsa)
- e. ketua jabatan yang mengemukakan ulasan ialah selain Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang memutuskan kes pegawai

**PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH**

***Rules against bias***

- i. Rohana bte Ariffin v Universiti Sains Malaysia [1989] 1 MLJ 487, HC  
*'When the disciplinary authority was deliberating the breach of discipline, the Registrar, who was complainant, was present. The court quashed the decision to dismiss the plaintiff on the grounds of bias, as the Registrar was present during the deliberations to dismiss the plaintiff'*
- ii. Mariani binti Ramli v Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1) Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara & 4 lagi (MTKL, Semakan Kehakiman No: WA-25-356-12/2017), HC  
Pengerusi Lembaga Tatatertib merupakan pegawai yang menyediakan laporan salah laku Perayu. Mahkamah Tinggi membatalkan keputusan buang kerja Lembaga Tatatertib kerana terdapatnya pelanggaran prosedur di bawah Peraturan 2 P.U.(A) 396/1993 (mana-mana anggota Lembaga Tatatertib yang menjadi pengadu tidak boleh bersidang sebagai anggota Lembaga Tatatertib).

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

**4. MINIT MESUARAT LEMBAGA TATATERTIB  
BILANGAN PEMERHATIAN: 66**

<b>PEMERHATIAN</b>
Minit mesyuarat yang tidak lengkap/tepat
<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
Minit mesyuarat hendaklah mengandungi butiran-butiran berikut:  <ul style="list-style-type: none"><li>a. nama mesyuarat dan tarikh yang betul</li><li>b. butiran Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib</li><li>c. butiran pegawai yang diambil tindakan tatatertib</li><li>d. tarikh, fakta dan maklumat serahan surat pertuduhan</li><li>e. status representasi pegawai dan ulasan Ketua Jabatan</li><li>f. maklumat yang dinyatakan dalam minit mesyuarat seperti kandungan representasi dan ulasan Ketua Jabatan hendaklah sama dengan dokumen sebenar</li><li>g. menyatakan perakuan Ketua Jabatan di bawah Peraturan 29(2), P.U.(A) 395/1993 dengan tepat</li><li>h. tidak menimbang fakta yang tidak berkaitan dengan kesalahan pegawai</li><li>i. menyatakan dapatan salah kecuali kes tindakan tatatertib pegawai yang disabitkan atas suatu kesalahan jenayah</li><li>j. menyatakan hukuman dengan jelas dan lengkap dengan tarikh kuat kuasa</li><li>k. asas keputusan</li><li>l. perlu ditandatangani oleh Pengerusi atau/dan Ahli Lembaga Tatatertib</li><li>m. tidak boleh mempunyai catatan tulisan tangan bagi minit mesyuarat yang telah dimuktamadkan</li><li>n. merujuk peraturan yang betul</li><li>o. merupakan dokumen yang mengandungi catatan pendapat dan keputusan oleh Lembaga Tatatertib dan bukanlah pandangan pihak urus setia yang tidak mempunyai kuasa memberikan pandangan semasa Lembaga Tatatertib bersidang</li><li>p. catatan minit mesyuarat tidak digabungkan seperti latar belakang kes kerana anggapan yang boleh dibuat berdasarkan catatan ini ialah Lembaga Tatatertib</li></ul>

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tataterib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

- tidak menimbang dan meneliti kes setiap pegawai secara berasingan dan ini adalah memprejudiskan pegawai yang mempunyai representasi yang berbeza
- q. menyatakan dapatan salah dan hukuman secara berasingan bagi setiap pertuduhan
  - r. kuorum Lembaga Tataterib adalah seperti mana yang diperuntukkan dalam Jadual kepada Peraturan 2, Peraturan - Peraturan Lembaga Tataterib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993] dan tidak terlibat secara langsung dengan kes pegawai

**PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH**

**Keperluan menyatakan dapatan salah**

Hamdan Bin Ibrahim V Lembaga Tataterib Hospital Kuala Kangsar & Anor [2000] MLJU 634, HC

Mahkamah menyatakan bahawa "*This court finds that regulation 27(2) is crystal clear that in order to impose the punishment as stipulated under the regulation, the plaintiff must first be found guilty. As the finding of guilt against the plaintiff was nowhere stated either in the letter dated 14.6.96 - exhibit SY 3 or even in any of the affidavits affirmed on behalf of the respondent and relied on by the learned Federal counsel, this court finds that this is a clear case of serious procedural unfairness or breach of procedural fairness and exceeds jurisdiction, which calls for intervention by this court in the decision or the process leading to it*".

**5. SURAT KEPUTUSAN  
BILANGAN PEMERHATIAN: 30**

**PEMERHATIAN**

- a. tidak mempunyai tarikh
- b. tidak menyatakan pertuduhan dan representasi pegawai dipertimbangkan
- c. kelewatan menyerahkan surat keputusan
- d. tidak menyatakan hukuman dan rujukan peraturan dengan tepat
- e. tidak menyatakan maklumat bahawa kes merupakan kes pertimbangan semula atas arahan Lembaga Rayuan Tataterib

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>f. isi kandungan dalam surat keputusan tidak sama seperti keputusan mesyuarat Lembaga Tatatertib</li><li>g. tajuk surat keputusan tidak tepat dengan jenis tindakan tatatertib</li><li>h. tidak ditandatangani atas kapasiti sebagai Pengurus atau ahli Lembaga Tatatertib yang diberi kuasa</li><li>i. merujuk kepada peraturan yang tidak tepat iaitu Peraturan 14 dan 15 Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.</li></ul> |
|--|

**PENAMBAHBAIKAN**

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>a. memastikan diletakkan tarikh</li><li>b. menyatakan pertuduhan dan representasi pegawai telah dipertimbangkan (sekiranya ada)</li><li>c. surat keputusan diserahkan secepat mungkin</li><li>d. menyatakan hukuman dan merujuk peraturan yang berkaitan dengan tepat</li><li>e. sekiranya kes ialah kes tatatertib pertimbangan semula atas arahan Lembaga Rayuan Tatatertib, fakta ini hendaklah dinyatakan dalam surat keputusan</li><li>f. memastikan isi kandungan dalam surat keputusan adalah sama seperti keputusan mesyuarat Lembaga Tatatertib</li><li>g. tajuk surat keputusan mestilah merujuk kepada jenis tindakan tatatertib yang betul</li><li>h. ditandatangani atas kapasiti sebagai Pengurus atau ahli Lembaga Tatatertib yang diberi kuasa</li><li>i. merujuk peraturan yang betul iaitu Peraturan 14 dan 15, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993]</li></ul> |
|--|

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

**PRINSIP PERUNDANGAN BERDASARKAN KES MAHKAMAH**

**Dapatan salah dan hukuman hendaklah dibuat berasingan mengikut pertuduhan**  
Mohamad Imran bin Sulaiman v Aloyah binti Mamat, Pengurus Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1 ), Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya & 3 lagi (Mahkamah Rayuan Malaysia Rayuan Sivil No. N-01(a)-433-11/2017), COA  
Terdapat lima (5) pertuduhan dan Lembaga Tatatertib di dalam surat keputusan menyatakan Lembaga Tatatertib memutuskan pegawai bersalah bagi pertuduhan dan dijatuhkan hukuman buang kerja. Surat keputusan tidak menyatakan bahawa dapatan salah hanya untuk Pertuduhan Pertama, Kedua dan Kelima.

**6. RAYUAN PEGAWAI**

**BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

**PEMERHATIAN**

Rayuan dikemukakan oleh wakil (contoh: peguam atau ahli keluarga pegawai)

**PENAMBAHBAIKAN**

Peraturan 14, Peraturan - Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 [P.U.(A) 396/1993] memperuntukkan bahawa mana-mana pegawai yang terkilan dengan keputusan Lembaga Tatatertib boleh merayu terhadap keputusan tersebut ke Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam. Rayuan yang dikemukakan oleh selain daripada pegawai yang berkenaan adalah bertentangan dengan prosedur rayuan dalam Peraturan 14, P.U.(A) 396/1993 dan tidak sah serta tidak boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

**7. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP RAYUAN  
BILANGAN PEMERHATIAN: 9**

<b>PEMERHATIAN</b>
a. ulasan terhadap rayuan tidak mengulas berkenaan rayuan pegawai dan mengandungi fakta lain yang di luar pertuduhan
b. ulasan mengandungi arahan Ketua Jabatan yang bertentangan dengan P.U.(A) 395/1993
c. Ketua Jabatan yang mengemukakan ulasan merupakan Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang memutuskan kes pegawai

  

<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
a. kandungan ulasan hendaklah berkaitan rayuan pegawai dan mematuhi peruntukan Peraturan 15(2), P.U.(A) 396/1993
b. Ketua Jabatan hendaklah memastikan nasihat atau maklumat yang diberikan kepada pegawai seliaannya selaras dengan peraturan
c. Ketua Jabatan yang mengemukakan ulasan ialah selain Pengerusi atau ahli Lembaga Tatatertib yang memutuskan kes pegawai

**8. PERINTAH GANTUNG KERJA  
BILANGAN PEMERHATIAN: 2**

<b>PEMERHATIAN</b>
Perintah gantung kerja (Peraturan 45)
a. Perintah gantung kerja tidak dikenakan ke atas pegawai yang disabitkan dengan kesalahan jenayah
b. kesilapan tarikh kuat kuasa dan mempunyai tempoh
c. kesilapan merujuk tarikh sabit

  

<b>PENAMBAHBAIKAN</b>
a. Selaras dengan Peraturan 28(6) P.U.(A) 395/1993, suatu perintah gantung kerja hendaklah dikenakan ke atas pegawai yang telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah dengan suatu kesalahan jenayah dengan mengambil kira bahawa perkataan yang digunakan dalam Peraturan 28(6), P.U.(A) 395/1993 tersebut ialah perkataan "hendaklah" dan peraturan tersebut merupakan peruntukan

*Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam  
Suku Tahun Kedua Tahun 2023*

khusus dalam pengendalian tindakan tatatertib ke atas pegawai yang tertakluk kepada prosiding jenayah
b. perintah gantung kerja di bawah Peraturan 28(6), P.U.(A) 395/1993 tidak mempunyai sebarang tempoh
c. kesilapan maklumat sabitan jenayah dalam perintah gantung kerja boleh membangkitkan anggapan bahawa Lembaga Tatatertib telah mengeluarkan perintah gantung kerja terhadap pegawai berdasarkan fakta sabitan jenayah yang salah

**9. PERAKUAN KETUA JABATAN BAGI KES SABITAN JENAYAH  
BILANGAN PEMERHATIAN: 1**

PEMERHATIAN
Perakuan Ketua Jabatan jika pegawai telah disabitkan kesalahan jenayah [Peraturan 29(2)]
<ul style="list-style-type: none"><li>a. disediakan tidak mengikut peruntukan Peraturan 29(2), P.U.(A)395/1993</li><li>b. tidak dikemukakan</li><li>c. kesilapan tarikh</li><li>d. merujuk kepada peraturan yang salah</li></ul>
PENAMBAHBAIKAN
<ul style="list-style-type: none"><li>a. perakuan Ketua Jabatan hendaklah disediakan mengikut peruntukan Peraturan 29(2), P.U.(A) 395/1993</li><li>b. Peraturan 29(2) mengehendaki Ketua Jabatan mengemukakan keputusan prosiding jenayah, rekod perkhidmatan pegawai dan perakuan Ketua Jabatan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib</li><li>c. tarikh perakuan ialah pada tarikh semasa perakuan disediakan</li><li>d. perakuan Ketua Jabatan bukanlah ulasan Ketua Jabatan.</li></ul>

**DISEDIAKAN OLEH:**

**BAHAGIAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA  
JULAI 2023**